

HSN disambut setiap tahun bagi tingkat kesedaran kepentingan statistik dalam kehidupan

Oleh **MOHD AZLIM ZAINURY**
SHAH ALAM

Portal OpenDOSM NextGen raih sejuta *view*

Portal OpenDOSM NextGen yang diperkenal Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berjaya mencapai satu juta tontonan sejak dilancarkan pada 12 Januari lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) berkata, OpenDOSM NextGen adalah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.

“Portal ini mencapai satu juta *view* dan semoga terus memberikan manfaat statistik kepada semua,” katanya dalam satu kenyataan sempena Majlis Penutup Sambutan Hari Statistik Negara (HSN) 2023 di Sabak Bernam, di sini.

Dalam pada itu, menurut DOSM, HSN yang berlangsung



selama tiga hari menerima kehadiran 14,000 pengunjung manakala majlis penutupnya disempurnakan Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Turut hadir Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial

dan Pembangunan Teknikal), Nazaria Baharudin dan Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi), Datin Seri Rozita Talha.

Menurutnya, HSN disambut setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran masyarakat me-

ngenai pentingnya statistik dalam kehidupan dan negara.

“Sambutan HSN memberi ruang kepada masyarakat melihat keunikan dan kesenian statistik selain melibatkan diri dalam aktiviti dianjurkan DOSM,” kata beliau.

Ujarnya, majlis sambutan ‘Yuk Mampir’ HSN 2023 mendapat sambutan meriah penduduk setempat.

“Pada kali ini, pelbagai program dan aktiviti dianjurkan antaranya Pertandingan Debat Statistik Institusi Pendidikan Tinggi yang dimenangi Universiti Sains Malaysia (USM).

“Wawancara statistik turut diadakan bersama Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam, Azman Dahlan manakala sesi literasi statistik menjemput bersama panel DOSM bagi perkongsian pelaksanaan Banci Pertanian 2024 serta Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES),” katanya.

Selain itu, HSN 2023 juga menganjurkan pelbagai aktiviti bersama penduduk setempat antaranya jualan industri kecil sederhana dan Jualan Ehsan Rahmah.

Mohd Uzir (tiga dari kanan) menyertai acara Larian D'Bendang bersama masyarakat setempat.